



**PERUTUSAN KHAS
YAB DATO' SAARANI MOHAMAD
MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN**

**SEMPENA MAJIS PELANCARAN PROGRAM SERONOK BERAYA
2021**

PADA 16 APRIL 2021

DI DEWAN KOMPLEKS KOMUNITI DESA KEMAS LENGGONG

SALUTASI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

PENDAHULUAN

1. Pertamanya, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya dapat kita bersama-sama pada petang ini. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan penghargaan dan tahniah kepada semua yang dapat sama-sama hadir menjayakan **Majlis Pelancaran Program Seronok Beraya** pada hari ini.
2. Setinggi tahniah diucapkan kepada **YB Datuk Dr Wan Norashikin Wan Noordin, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan NGO Negeri Perak**, dibantu oleh Wanita Perak dan agensi terlibat (Pejabat Daerah dan Tanah Lenggong dan Majlis Daerah Lenggong) dalam menjayakan penganjuran majlis pada hari ini.

SAMBUTAN IBADAH PUASA DAN HARI RAYA AIDILFITRI – NORMA BAHARU

Tuan-puan yang dihormati,

3. Sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 183:

“Wahai orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang sebelum kamu, mudah-mudahan kamu beroleh ketakwaan”

4. Namun, sambutan ramadhan kali ini berbeza berbanding kebiasaannya. Solat berjemaah di surau atau masjid perlu mematuhi garis panduan dan SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), kita juga tidak digalakkan bersesak-sesak mencari juadah berbuka puasa di bazar ramadhan.
5. Semua ini ada hikmahnya. Suami digalakkan menjadi imam kepada solat jemaah oleh ahli keluarga. Bagi sebahagian keluarga, tadarus al-Quran bersama ahli keluarga menjadi kebiasaan.

6. Secara tidak langsung amalan-amalan ini telah mengeratkan hubungan kekeluargaan dan hubungan kasih sayang sesama ahli keluarga.
7. Aidilfitri yang akan disambut diraikan sebagai tanda kemenangan melawan hawa nafsu, menahan diri dari lapar, dahaga dan perkara lain yang boleh membatalkan ibadah puasa, tetapi juga tanda kejayaan umat islam kembali kepada fitrah sebagai hamba Allah yang bertaqwa.
8. Menjelang Hari Lebaran, terlintas beberapa ingatan masa lampau dan memori penuh nostalgia tradisi meraikan hari lebaran. Antaranya amalan menziarahi kubur ibu bapa dan ahli keluarga, amalan ziarah menziarahi dan sebagainya.
9. Lagu-lagu raya malar segar dendangan Saloma, S.Jibeng, Sudirman, DJ Dave dan ramai lagi artis popular tanah air mula berkumandang di majlis buka puasa, tempat membeli belah dan corong-corong radio.
10. Namun, kemeriahan sambutan kali ini tentu sekali agak berbeza. Peluang untuk menziarahi keluarga dan sahabat handai agak terhad. Tiada majlis rumah terbuka.
11. Tetapi tidak bermakna sambutan kali ini tidak meriah. Kita wujudkanlah suasana kemeriahan dengan cara sendiri bersama ahli keluarga.

PROGRAM SERONOK BERAYA

Tuan-puan yang dihormati,

12. Dikala kita sibuk mempersiapkan keperluan ahli keluarga dalam merayakan hari lebaran ini janganlah dilupakan kepada golongan yang memerlukan ini.
13. Sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin, pentadbiran kerajaan sentiasa peka dan berusaha untuk memastikan keperluan dan kebajikan masyarakat yang memerlukan sentiasa dipertingkatkan.
14. Kami semua mempunyai matlamat yang sama iaitu memastikan perkhidmatan kerajaan disampaikan kepada setiap rakyat terutamanya kepada kumpulan sasaran kita secara cekap dan berkesan. Justeru, kita perlu lebih kreatif dan proaktif dalam merangka setiap inisiatif supaya kumpulan sasaran kita mendapat manfaat yang lebih banyak dan berterusan.

15. Justeru, inisiatif pemberian bantuan pada hari ini dibawah penyelarasan portfolio YB Datuk Dr Wan Norashikin adalah satu program yang baik bagi menyantuni golongan ini. Sekalung tahniah kepada YB Datuk Dr Wan Norashikin atas usaha dan komitmen yang ditunjukkan ini.

PENUTUP

Tuan-puan yang dihormati,

16. Negara berkemungkinan berdepan gelombang keempat penularan Covid-19 susulan peningkatan kes wabak berkenaan sejak akhir-akhir ini.
17. Hal ini adalah berdasarkan data yang dikumpul oleh Kementerian Kesihatan (KKM) yang menunjukkan kebolehjangkitan Covid-19 atau R-naught (Ro/RT) pada 11 April lalu untuk seluruh negara kembali meningkat kepada 1.06.
18. Saya menyeru agar semua pihak tidak alpa dengan SOP yang ditetapkan ketika menjalani ibadah puasa dan sambutan Hari Raya Aidlfitri nanti. Kita perlu mengambil langkah berhati-hati supaya mengelakkan risiko penularan wabak Covid-19 selepas cuti perayaan. Kerajaan menggubal panduan hari perayaan adalah bersandarkan kepada prinsip maqasid syariah iaitu memelihara nyawa.
19. Akhir kata, sama-sama kita panjatkan doa semoga Allah SWT membantu dan merahmati kita semuanya.
20. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya melancarkan Program Seronok Beraya bagi tahun 2021.

Wabillahi al-Taufiq wal hidayah, wassalamualaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.

Sekian, terima kasih.